



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 32

Isnin

23 Oktober 2017

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Banjir Kilat di Sekitar Parlimen Parit Sulong**
– YB. Dato' Dr. Noraini binti Ahmad (*Parit Sulong*) [Halaman 1]

- **Suruhanjaya Tenaga Perlu Melindungi Pengguna
Dalam Proses Tuntutan Kerugian Hasil TNB**
– YB. Tuan Liew Chin Tong (*Kluang*) [Halaman 3]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 23 Oktober 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Masalah Banjir Kilat di Sekitar Parlimen Parit Sulong

2.33 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada satu isu setempat iaitu mengenai masalah banjir kilat yang melanda beberapa tempat di sekitar Parlimen Parit Sulong dan hujan lebat yang berjam-jam lamanya sekitar September lalu telah menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Jalan Rogayah dan Jalan Jenang di mana lokasinya terletak di kawasan Bandar Batu Pahat telah mengalami banjir kilat. Untuk pengetahuan pihak kementerian, ini adalah kali pertama Bandar Batu Pahat dilanda banjir kilat selepas hampir berpuluh tahun tidak mengalaminya.

Saya difahamkan apa yang menjadi punca akibat berlakunya banjir kilat di kawasan ini adalah disebabkan sistem perparitan di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menerusi projek Saliran Mesra Alam yang agak lama yang dilihat tidak lagi efisien untuk pembangunan di sekitar Pekan Batu Pahat. Kebanyakan longkang yang boleh didapati di kawasan ini adalah longkang-longkang kecil yang tidak mampu menampung takungan air akibat hujan lebat terutamanya dalam tempoh masa yang lama. Akibatnya, air akan melimpah ke jalan-jalan berkenaan dan menyukarkan pergerakan para penduduk di kawasan Parlimen Parit Sulong di samping menyebabkan kenderaan ringan mengalami masalah untuk melaluinya atau lebih malang lagi, tersangkut dan akhirnya mengalami kerosakan.

Oleh yang demikian, saya ingin mengemukakan persoalan kepada pihak kementerian seperti yang berikut, sejauh manakah pihak kementerian mengambil

maklum ataupun memantau mengenai masalah perparitan lama yang tidak lagi efisien di kawasan-kawasan luar bandar seperti ini dan adakah pihak kementerian ada sentiasa membuat kajian mengenai sistem perparitan saluran bandar bagi mengatasi perkara-perkara berkaitan berlakunya hujan lebat dan fenomena air pasang? Adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk memasang sistem pam di Parit Johar untuk membantu mengawal keadaan sekiranya situasi air pasang besar berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Soalan seterusnya, apakah terdapat juga cadangan kerjasama di antara pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dalam mengatasi masalah ini memandangkan kawasan yang dilanda banjir kilat ini adalah di bawah kuasa MPBP? Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, fenomena perubahan iklim yang berlaku di negara sejak kebelakangan ini, memberikan kesan kepada taburan hujan. Kejadian banjir kilat pada 19 September 2017 yang berlaku adalah disebabkan oleh pertembungan fenomena air pasang dan hujan lebat yang luar biasa.

Situasi tersebut menyebabkan aliran tidak dapat keluar ke sungai dan menyebabkan berlakunya limpahan air dari sistem perparitan utama Parit Bakau Condong, kawasan Batu Pahat banyak Parit, ya, Tuan Yang di-Pertua dan telah menyebabkan Jalan Rogayah dalam Bandar Batu Pahat dinaiki air. Jumlah air hujan yang dicatat dari stesen berdekatan melebihi 100 milimeter dalam tempoh dua jam bersamaan dengan purata hujan bagi setengah bulan. Untuk makluman juga, sistem pintu air Parit Bakau Condong, menggunakan kawalan sistem *Supervisory Control and Data Acquisition* (SCADA), oleh yang demikian pintu air tersebut secara automatik ditutup kerana air sungai Batu Pahat sedang pasang dan pintu air akan dibuka semula selepas air sungai surut.

Bagi langkah jangka masa panjang, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan beberapa pendekatan dan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam usaha untuk mengkaji dan mengatasi masalah banjir kilat di kawasan perbandaran tersebut iaitu dengan menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk bandar-bandar

utama menghadapi ancaman banjir kilat. PISMA adalah satu kajian untuk menyediakan pelan induk saliran dan garis panduan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di bandar-bandar di negara ini.

Penyediaan PISMA adalah selaras dengan kehendak PBT dan KPKT. Sehingga ini, 17 PISMA telah disediakan dan didapati ia telah banyak membantu menyelesaikan masalah banjir kilat. Bilangan PISMA yang baru akan bertambah mengikut perancangan dan keperluan semasa. Manakala PISMA untuk 16 buah bandar yang sedang dalam pelaksanaan dan sedang *ditender* adalah berjumlah RM50.5 juta di bawah merupakan RMKe-11. Dalam RMKE-11 *rolling plan* juga projek menaik taraf sistem saliran Mesra Alam Batu Pahat (Peserai dan Sungai Suloh) telah diluluskan dengan kos projek berjumlah RM32 juta. Besar bunyinya ini, ya.

Bagi kawasan Parit Johar pula yang merupakan salah satu kawasan yang sering berlaku kejadian banjir kilat, JPS telah merancang dan memohon peruntukan impak kejadian akibat pertembungan air pasang dan juga hujan lebat. Untuk makluman juga, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui JPS secara berterusan sentiasa bekerjasama baik dengan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dalam menangani isu banjir dengan menyelaraskan dan melaksanakan tindakan-tindakan mengikut tugas dan bidang kuasa masing-masing serta perancangan kawalan pelan-pelan pembangunan tanah.

Sekian, terima kasih. Maklumat tambahan kita beri juga, kemudian.

■1440

Suruhanjaya Tenaga Perlu Melindungi Pengguna Dalam Proses Tuntutan Kerugian Hasil TNB

2.41 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, tindakan tuntutan kerugian hasil Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap pihak yang dituduh terlibat dalam kes-kes penggunaan elektrik secara curang seperti curi elektrik atau ganggu meter telah menimbulkan banyak rungutan daripada kalangan pengguna.

Berdasar aduan yang diterima di kawasan Parlimen Kluang, kebanyakan pengguna tidak memahami proses tuntutan kerugian hasil TNB, terutamanya cara pengiraan amaun. Pengguna tidak berpuas hati kerana dikenakan bayaran yang tidak munasabah (kadang-kala boleh mencecah RM20,000) tanpa diberitahu cara pengiraan terperinci dalam surat tuntutan.

Ada juga pemilik premis yang terpaksa menanggung bil tinggi kerana meter elektrik di premis mereka telah diubahsuai oleh penyewa sebelum ini. Isu ini melibatkan

banyak pengetahuan teknikal dan memang sukar difahami oleh orang ramai. Pertelingkahan di antara pengguna dan TNB sering dibawa ke mahkamah dan membazir sumber kehakiman negara kita kerana Kerajaan Persekutuan gagal mewujudkan satu mekanisme yang mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak.

Saya bercadang untuk meminda seksyen 3B, Akta Bekalan Elektrik 1990, untuk memperkukuhkan hak-hak pengguna. Tempoh notis pemotongan bekalan elektrik 24 jam perlulah dipanjangkan kepada 72 jam melalui pindaan subseksyen 38(1). Tempoh pemotongan maksimum 3 bulan perlu dikurangkan kepada 1 bulan melalui pindaan subseksyen 38(2). Pengguna mesti dijamin hak untuk diberitahu tentang prosedur operasi dan proses tuntutan TNB sebelum suatu pemeriksaan dijalankan.

Garis Panduan Tuntutan Kerugian Hasil oleh Pemegang Lesen Bagi Kes-kes Penggunaan Elektrik Dengan Curang juga perlu dipinda agar TNB tidak menuntut kerugian hasil sewenang-wenangnya. Perkara 4.2.1 perlu dipinda supaya pengguna diwajibkan hadir semasa pemeriksaan TNB dijalankan, walaupun meter ditempatkan di tempat-tempat awam. Perkara 5.2 juga perlu dipinda untuk mewajibkan TNB menunjukkan cara pengiraan dan tempoh pengiraan tuntutan kerugian hasil.

Hubungan antara TNB dan pengguna bukan setakat hubungan di antara syarikat dan pelanggan. TNB sebagai sebuah syarikat pembekal elektrik tunggal di Semenanjung Malaysia, diamanahkan oleh kerajaan untuk mengurus utiliti elektrik bagi manfaat rakyat. Kerajaan mesti memberi perlindungan sewajarnya kepada pengguna TNB supaya mereka tidak akan dieksploitasi.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), khususnya Suruhanjaya Tenaga harus mengambil inisiatif dan memainkan peranan yang lebih besar. Suruhanjaya Tenaga juga boleh dijadikan sebuah tribunal yang mendengar dan mengadili aduan pengguna terhadap tuntutan TNB. TNB tidak sepatutnya diberi kuasa mutlak dalam pemeriksaan meter dan pengiraan amaun tuntutan kerugian hasil kerana percanggahan kepentingan. Peranan Suruhanjaya Tenaga sebagai pihak ketiga boleh dijadikan penjaga gerbang dalam tuntutan TNB untuk memastikan proses yang adil dan berkredibiliti. Sekian, Terima kasih.

2.45 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman yang berhormat, pihak kementerian mengambil maklum aduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang berhubung isu tuntutan kerugian hasil oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah seksyen 38, Akta Bekalan Elektrik 1990.

Yang Berhormat mungkin merujuk kepada aduan khusus yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Tenaga. Saya difahamkan aduan ini telah pun disiasat dan hasil siasatan telah dimaklumkan kepada Yang Berhormat Kluang melalui pertemuan dengan pegawai Suruhanjaya Tenaga pada 6 Julai 2017.

Walau bagaimanapun saya telah meneliti ucapan Yang Berhormat dan akan menjawab lima perkara yang telah dibangkitkan. Kelima-lima perkara tersebut akan saya jelaskan seperti berikut.

Pertama, pengguna tidak memahami proses tuntutan kerugian hasil TNB terutama cara pengiraan amaun. Satu garis panduan berkenaan prosedur tuntutan kerugian telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga bertujuan memaklumkan kepada pemegang lesen dan pengguna mengenai prosedur tuntutan kerugian hasil dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen dan pengguna mengenai prosedur tuntutan kerugian hasil dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen bagi kes penggunaan elektrik secara curang selaras dengan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Garis panduannya seperti ini [*sambil menunjukkan sebuah buku*] boleh diperoleh oleh semua pihak termasuk pihak awam.

Garis panduan ini menjelaskan secara terperinci proses tuntutan yang boleh dibuat oleh pihak utiliti dan turut menerangkan mengenai cara-cara pengiraan tuntutan kerugian hasil serta perbelanjaan yang boleh dituntut. Garis panduan ini boleh dimuat turun di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga. Selain itu, pengguna juga boleh mendapat penjelasan lanjut berkenaan prosedur tuntutan kerugian hasil daripada pihak TNB.

Pihak TNB juga turut mengambil inisiatif tambahan dengan menjemput pengguna untuk hadir ke pejabat TNB selepas tiga hari dari tarikh pemeriksaan dilaksanakan di premis pengguna bagi membolehkan pengguna mendapatkan penjelasan tanpa prejudis mengenai penemuan kes usikan pemasangan meter di premisnya, tindakan pemotongan bekalan elektrik yang perlu dilaksanakan serta jumlah anggaran tuntutan kerugian hasil yang perlu dijelaskan.

Kedua, penilik premis terpaksa menanggung bil tinggi kerana meter elektrik premis mereka telah diubahsuai oleh penyewa. Sebarang perbuatan yang dibuat oleh penyewa atau pihak lain ke atas meter atau pemasangan TNB di premis tersebut adalah menjadi tanggungjawab pengguna berdaftar dengan TNB sama ada mereka mendiami premis tersebut atau sebaliknya. Bagi mengelakkan tuntutan ke atas pemilik premis, pemilik boleh membenarkan penyewa kerana ini dibenarkan untuk membuka akaun dengan pihak TNB di atas nama mereka sendiri.

Ketiga, cadangan untuk meminda seksyen 38, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] bagi memperkukuhkan hak-hak pengguna. Dalam hal ini, penambahbaikan ke atas seksyen 38 telah dibuat semasa pindaan Akta 447 pada tahun 2015. Antara pindaan yang dibuat ialah memanjangkan tempoh notis pemotongan bekalan dari 24 jam kepada 48 jam. Secara keseluruhannya, pindaan kepada seksyen 38 ini telah dibuat untuk memastikan bahawa hanya dalam kes kecurian elektrik yang jelas dan terbukti di bawah Akta 447 sahaja yang membolehkan pemegang lesen memotong bekalan elektrik kepada pengguna.

■1450

Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan seksyen 38 pada tahun 2015 telah mengambil kira hak-hak pengguna, sebagai contoh sebelum pindaan dibuat, tuntutan kerugian terhadap pengguna tiada had tempoh tetapi selepas pindaan pada tahun 2015, tuntutan kerugian terus kepada pengguna dihadkan tidak melebihi enam bulan ke belakang manakala tuntutan melebihi enam bulan perlu didaftarkan sebagai kes di mahkamah.

Keempat, meminda Garis Panduan Prosedur Tuntutan Kerugian Hasil bagi mewajibkan pengguna hadir semasa pemeriksaan TNB dan mewajibkan TNB menunjukkan cara pengiraan tuntutan kerugian hasil. Berdasarkan prosedur tuntutan kerugian hasil dalam bab 4.2.1, dalam panduan ini seperti mana saya telah berikan. Garis Panduan Prosedur Tuntutan Kerugian Hasil telah menyatakan dengan jelas bahawa semasa pemeriksaan dan ujian dijalankan oleh pemegang lesen, pengguna hendaklah hadir bersama.

Walau bagaimanapun, terdapat klausa yang membenarkan pemegang lesen iaitu pihak TNB dalam kes ini melakukan pemeriksaan meter tanpa kehadiran pengguna sekiranya meter berada di tempat awam, di luar rumah dan tepi koridor jalan. Umumnya, pemeriksaan yang dijalankan berhubung pengusikan meter adalah secara rambang dan mengejut bagi memastikan maklumat operasi terpelihara. Oleh itu, pada kebiasaannya operasi pemeriksaan tidak dimaklumkan kepada pengguna bagi mengelakkan bukti-bukti usikan dihapuskan oleh pengguna.

Kelima dan terakhir mencadangkan Suruhanjaya Tenaga memainkan peranan lebih besar sebagai sebuah tribunal yang mendengar dan mengadili aduan pengguna terhadap tuntutan TNB. Sebagai sebuah badan kawal selia elektrik dan gas Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab ST bagi memastikan hak-hak pengguna dilindungi. Dalam hal ini, jika ST menerima aduan daripada pengguna, ST akan menyiasat aduan tersebut dan boleh menentusahkan sama ada kesalahan tersebut telah dilakukan atau tidak.

Perkara ini adalah jelas sebagaimana subseksyen 38(1B) yang memberi kuasa kepada ST untuk menentusahkan perkara ini dan sekiranya ST mendapati kesalahan tidak dilakukan, penyambungan semula bekalan elektrik oleh pemegang lesen hendaklah dibuat serta-merta. Bagi kes-kes bukan kecurian, perihal pertikaian tuntutan boleh diselesaikan oleh ST melalui penubuhan sebuah jawatankuasa timbang tara atau pun boleh disebut sebagai satu tribunal jika perlu untuk menyelesaikan perkara-perkara selain daripada perkara kecurian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Baiklah Ahli-ahli yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 24 Oktober 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.53 petang]

